



Tingkah Laku dan Impak Penggunaan Tiktok dalam Kalangan Belia di Lawas: Satu Tinjauan Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang

Elyanna Takung Peter^a, Intan Soliha Ibrahim^{b*},

^a Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

^b Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

*Corresponding author

Abstrak

Globalisasi dan pendigitalan telah membawa perubahan kepada medium media berasaskan Internet. Pelbagai medium media sosial telah muncul seperti Facebook, Instagram, X, Lemon8, dan TikTok. Ini telah menjadikan media sosial sebagai sebuah medium yang paling kerap diakses oleh pengguna. Aplikasi TikTok telah muncul sebagai salah satu platform media sosial yang paling dominan dalam kalangan belia di seluruh dunia, termasuk di kawasan luar bandar seperti Lawas, Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk menilai corak penggunaan, impak serta kecenderungan tingkah laku pengguna TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Kerangka Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior, TPB) digunakan sebagai asas utama dalam kajian ini. Teori ini telah diasaskan oleh Ajzen. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 226 responden yang berumur antara 15 hingga 40 tahun yang dipilih secara rawak melalui borang soal selidik dalam talian. Data yang dikumpulkan dari kutipan data diproses menggunakan SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti belia menggunakan TikTok dengan kekerapan yang tinggi. Penggunaan aplikasi ini didapati memberi kesan yang ketara terhadap masa pembelajaran, hubungan sosial, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi niat serta perlakuan pengguna terhadap aplikasi tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun TikTok menawarkan ruang luas kepada ekspresi diri, hiburan dan pembangunan kreativiti, penggunaannya yang berlebihan berpotensi mendatangkan kesan negatif jika tidak dikawal. Oleh itu, peningkatan penggunaan TikTok dalam kalangan belia kekal positif, seimbang dan memberi manfaat kepada pembangunan diri serta kesejahteraan sosial belia. Secara tidak langsung, TikTok telah membawa perubahan sosial dalam kalangan generasi belia secara umumnya dan spesifik di Lawas.

Kata Kunci: TikTok, media baharu, TPB, tingkah laku, Lawas

Behaviour and Impact of TikTok Use among Youths in Lawas: A Study Based on the Theory of Planned Behaviour

Abstract

Globalisation and digitalisation have brought significant changes to Internet-based media platforms. Various social media platforms have emerged, including Facebook, Instagram, X, Lemon8, and TikTok. This development has made social media one of the most frequently accessed platforms by users. TikTok, in particular, has emerged as one of the most dominant social media platforms among youth globally, including those in rural areas such as Lawas, Sarawak. This study aims to evaluate the usage patterns, impact, and behavioural tendencies of TikTok users among youth in Lawas. The Theory of Planned Behaviour (TPB), developed by Ajzen, serves as the primary theoretical framework for this research. A quantitative approach was employed, involving 226 respondents aged between 15 and 40 years, who were randomly selected through an online questionnaire. Data collected from the survey were analysed using SPSS. The findings indicate that the majority of youth use TikTok with high frequency. The use of this application significantly affects their study time, social relationships, and perceived behavioural control. Subjective norms and perceived control were also found to play an important role in influencing users' intentions and behaviours toward the application. Overall, the study concludes that while TikTok provides a wide space for self-expression, entertainment, and creative development, excessive use may result in negative consequences if left unmanaged. Therefore, efforts should be made to ensure that TikTok usage among young people remains positive, balanced, and contributes to their personal development and social well-being. Indirectly, TikTok has also triggered social change among the younger generation in general, and specifically among youth in Lawas.

Keywords: TikTok, new media, TPB, behavioural, Lawas

Pengenalan

Dalam era teknologi disruptif, penggunaan media sosial bukanlah suatu perkara baharu. Pertumbuhan media sosial ini boleh diibaratkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini dapat dibuktikan melalui siri-siri penciptaan media sosial seperti Six Degrees (1997), Friendster (2003), LinkedIn (2003), Myspace (2003), Twitter (2006), Facemash (2003) yang kemudiannya dijenamakan kepada Facebook pada tahun 2004, Instagram (2010), Snapchat (2011) serta TikTok pada tahun 2016. Namun begitu, tidak semua media sosial ini mampu bertahan atau kekal relevan dalam kalangan pengguna yang kompleks.

Contoh mudah, Six Degrees ialah platform media sosial yang modus perniagaannya sama dengan Facebook. Walau bagaimanapun, ia menemui kegagalan sebagai pelopor inovasi disebabkan oleh dua faktor. Faktor pertama ialah kemudahan Internet. Ketika Six Degrees dilancarkan, tidak semua masyarakat dunia ketika itu mempunyai akses terus kepada Internet. Sedangkan di Malaysia, kempen Sebuah Rumah, Sebuah Komputer dijalankan pada tahun 1990-an (Ibrahim, 2020) dan sememangnya ketika itu nama Six Degrees sangat asing dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, penyelidik berpendapat bahawa jumlah penggunanya yang sedikit tidak memungkinkannya menjana keuntungan seperti Facebook dan TikTok. Faktor kedua ialah ketiadaan model perniagaan seperti Facebook dan TikTok. Maka tidak keterlaluan untuk penyelidik menyatakan bahawa kerelevanan Facebook, TikTok dan Instagram pada hari ini adalah daripada kelemahan Six Degrees.

Sejak tahun 2016 hingga 2024, TikTok telah digunakan oleh lebih daripada 5.4 bilion pengguna (Statista, 2024). Sehubungan itu, penyelidik seperti Ling (2023) dan Zulkifli et al. (2021) mengkaji penggunaan TikTok dalam kalangan belia dari perspektif penglibatan politik. Manakala Zafri et al. (2023) pula mengkaji penglibatan belia dalam penggunaan TikTok dari aspek dakwah. Walaupun kajian terhadap TikTok banyak mempamerkan impak positif, Syed Abdul Rahman et al. (2022), berpendapat bahawa kemunculan media sosial juga boleh memberikan impak negatif kepada pengguna. Hal ini kerana, media sosial berpotensi membawa perubahan sosial terhadap individu menerusi pandangan atau komen-komen yang diberikan dalam platform media sosial (Syed Abdul Rahman et al., 2022). Malah, akhbar-akhbar di Malaysia dan luar negara turut melaporkan impak negatif komen-komen di media sosial yang mencetuskan jenayah buli siber di seluruh dunia.

Kewujudan media sosial telah merevolusikan cara komunikasi, penyebaran maklumat dan interaksi sosial, khususnya dalam kalangan generasi muda. Justeru, artikel ini mengkaji trend penggunaan TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Lawas merupakan sebuah pekan kecil yang terletak di Limbang, Sarawak. Utusan Sarawak (2020) pernah melaporkan kekecewaan penduduk di Lawas ekoran capaian Internet yang tidak baik.

Malah Utusan Borneo Online turut melaporkan isu yang sama di Lawas (Ismail, 2023). Walau bagaimanapun, penggunaan TikTok dalam kalangan belia di daerah ini menunjukkan peningkatan yang ketara. Oleh yang demikian, penting untuk penyelidik memahami trend penggunaan TikTok di Lawas memandangkan kawasan tersebut mengalami masalah mutu capaian Internet. Persoalannya, adakah senario ini mampu mengganggu penggunaan aplikasi TikTok di Lawas dan apakah tujuan serta trend penggunaan TikTok di sana?

Sorotan Literatur

Kewujudan media baharu menandakan perubahan struktur dalam landskap komunikasi dan budaya media. Ia bukan sekadar pelengkap kepada media tradisional, malah menjadi pemangkin utama kepada transformasi sistem penyebaran maklumat secara lebih pantas, interaktif dan merentasi sempadan fizikal. Media bukan sahaja boleh diakses menerusi penggunaan medium tradisional, malah ia terhasil daripada pendigitalan yang membenarkan kandungan media sosial dihantar dan diterima menggunakan talian Internet. Seiring dengan pendigitalan, media sosial muncul sebagai medium utama penyampaian kandungan, sekali gus mencabar dominasi media konvensional (Markom et al., 2019). Menurut Anderson (2013) dan Hallett (2021), daya tarikan media baharu terletak pada kemampuannya menawarkan ciri-ciri interaktif, kebolehan menyesuaikan kandungan dan kepantasan capaian. Ini bermaksud ciri-ciri tersebut merupakan kelebihan yang tidak ada pada teknologi sebelumnya. Papacharissi (2000) pula menekankan bahawa media baharu memudahkan keterlibatan individu sebagai penghasil dan penyebar maklumat, bukan lagi sebagai pengguna pasif.

TikTok sebagai sebuah platform media sosial telah mencetuskan fenomena global dengan peningkatan pengguna yang memberangsangkan. Statista (2024) telah melaporkan bahawa penggunaan platform tersebut melebihi 5.4 bilion pengguna di seluruh dunia. Kajian van Dijck et al. (2018) mengaitkan fenomena ini dengan kebangkitan ekosistem digital yang kehidupan peribadi, budaya dan politik terjalin melalui platform digital seperti TikTok. Namun, wacana sedia ada cenderung menilai TikTok secara umum, tanpa penekanan dinamika konteks tempatan seperti kawasan pedalaman di Malaysia. Sebagai contoh mudah, pengguna TikTok berkongsi mengenai aktiviti harian, tempat menarik, makanan dan pelbagai kandungan lain menerusi TikTok. Hantaran mesej (*post*) tersebut bukan sahaja dapat diakses di negara asal pencipta kandungan, malah merentasi sempadan. Oleh sebab itu ramai penyelidik mengkaji impak positif dan negatif penggunaan TikTok.

Dari sudut demografi, pengguna TikTok didominasi oleh generasi muda. Zeng dan Kaye (2022) menggambarkan pengguna TikTok sebagai kelompok yang aktif dan celik digital. Manakala, Muliadi (2022) mengesahkan bahawa Gen Z (lahir antara 1997 hingga 2012) merupakan kumpulan pengguna TikTok terbesar. Namun, dapatan Ofcom (2021) menunjukkan perluasan penggunaan aplikasi ini kepada kanak-kanak seawal usia lima tahun. Ia memperlihatkan skala ketercapaian dan potensi impak TikTok terhadap perkembangan

sosial dan psikologi generasi muda. Di sebalik statistik tersebut, terdapat jurang penyelidikan terhadap golongan belia di kawasan terpencil seperti Lawas, Sarawak, suatu kekosongan ilmiah yang cuba diisi oleh kajian ini.

Kajian berkaitan TikTok lazimnya menumpukan kepada tujuan penggunaan yang kebanyakannya memfokuskan kepada kandungan keagamaan dan penglibatan politik. Sebagai contoh, Saad, Arifin, Abd Karim dan Hassan (2022) serta Ferira (2022) mendapati bahawa TikTok berkesan sebagai medium dakwah, terutamanya dalam menyampaikan ajaran Islam secara kreatif dan mudah difahami. Pendekatan berbentuk video pendek dan mesra pengguna diyakini mampu meningkatkan kefahaman agama dan mempengaruhi tingkah laku keagamaan dalam kalangan belia. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa TikTok mempunyai keberkesanan sebagai medium dalam menyampaikan nilai-nilai pengajaran al-Quran dan al-Sunah kepada masyarakat.

Kesemua penyelidik tersebut berpendapat bahawa penggunaan kaedah pemaparan video pendek dalam menyampaikan maklumat membolehkan maklumat keagamaan disebarkan dengan sangat pantas dalam kalangan belia yang aktif menggunakan aplikasi TikTok. Kajian tersebut juga menyatakan bahawa kaedah itu bukan sahaja dapat membantu belia untuk meningkatkan pengetahuan mengenai ajaran agama Islam dengan cara yang menarik, malah memberikan impak yang positif terutamanya kepada perubahan tingkah laku belia. Kaedah ini juga berpotensi meningkatkan keimanan dan kefahaman agama yang sekali gus menjadi inspirasi kepada kehidupan belia.

Namun, fokus yang keterlaluan terhadap dimensi positif membawa kepada kekaburan dalam isu ketagihan, gangguan tumpuan dan kemerosotan produktiviti. Kajian oleh Hafifah et al. (2024) memberikan naratif yang berbeza dengan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan penundaan kerja dalam kalangan pelajar yang aktif menggunakan TikTok. Justeru, ia memperkukuh keperluan untuk menggunakan pendekatan kritikal dalam menilai impak penggunaan aplikasi ini.

Oktariani (2023) pula menonjolkan penggunaan TikTok sebagai alat bantu mengajar dalam mempelajari seni tari Indonesia. Menurut Oktariani, format video pendek dan ciri mesra pengguna TikTok memungkinkannya digunakan untuk mendidik dan memelihara tarian tradisional. TikTok membolehkan tarian tradisional diajar dengan cara yang kreatif sehingga mampu menarik penyertaan dan mendekati masyarakat pelbagai peringkat umur. Platform ini memudahkan penari dan guru bertukar-tukar kaedah, pelajaran dan pengetahuan budaya secara meluas, di samping menggalakkan penghormatan terhadap seni tarian tradisional. Walau bagaimanapun, kajian Oktariani (2023) hanya memperlihatkan sisi positif media sosial.

Terdapat juga kajian yang mengkaji tentang penggunaan TikTok dan kaitannya dengan motivasi diri. Papacharissi dan Rubin (2000) mengkaji lima motif penggunaan media sosial iaitu mencari maklumat, meluangkan masa, kemudahan, hiburan dan utiliti interpersonal. Kesemua faktor ini mempengaruhi kepuasan pengguna. Ini menunjukkan bahawa Internet dan TikTok saling diperlukan oleh masyarakat dalam pelbagai sebab yang signifikan. Berdasarkan pemerhatian penyelidik juga, secara tidak langsung penggunaan TikTok telah menyumbang kepada pembangunan kemahiran seperti penyuntingan, penggunaan perisian CapCut serta kemahiran fotografi dan video.

Kajian Mohd Hamizi (2023) menunjukkan bahawa faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat adalah didorong oleh faktor rangkaian sosial yang luas, komunikasi dan interaksi, perkongsian dan pencarian maklumat serta hiburan. Impak penggunaan media sosial juga terdiri daripada impak positif seperti merapatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan, menjadi medium penyampaian dakwah, saluran perkongsian maklumat dan platform pembelajaran. Manakala impak negatif pula menunjukkan wujudnya masalah perkembangan fizikal, keruntuhan akhlak dan akidah serta ancaman jenayah siber. Justeru, Mohd Hamizi (2023) mencadangkan supaya kawalan kerajaan dan peranan individu dalam penggunaan media sosial ini perlu diperkukuh bagi meminimumkan ancaman terhadap keselamatan peribadi dan keselamatan negara.

Oleh itu, kajian ini berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan dapatan sedia ada dengan konteks luar bandar yang sering tersisih dalam wacana media baharu. Fokus terhadap belia di Lawas amat signifikan bukan sahaja kerana kedudukannya sebagai kawasan pedalaman, malah ia juga mencerminkan realiti digital yang berbeza dari kawasan bandar. Dengan mengambil kira aspek demografi, budaya tempatan dan tahap literasi digital, kajian ini menawarkan sumbangan bermakna dalam menilai sejauh mana aplikasi TikTok mempengaruhi tingkah laku, interaksi sosial dan produktiviti belia di lokasi yang kurang mendapat liputan dalam penyelidikan arus perdana.

Perspektif Teori

Kajian ini menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour* - TPB) yang diperkenalkan oleh Icek Ajzen (1985) sebagai kerangka utama bagi memahami tingkah laku penggunaan TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) merupakan pengembangan daripada *Theory of Reasoned Action* (TRA) yang dibangunkan oleh Ajzen dan Fishbein (Ajzen, 2020; Albayati et al., 2023). Inti pati utama Teori TPB adalah untuk menjelaskan cara sikap, norma sosial dan kawalan tingkah laku mempengaruhi niat serta tingkah laku individu. Menurut Ajzen (2020) dan Albayati serta rakan-rakannya (2023), teori ini banyak digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk psikologi, sosiologi, pemasaran dan

pengurusan bagi memahami serta meramal tingkah laku manusia.

Dalam konteks kajian ini, penggunaan TikTok oleh belia tidak hanya dipengaruhi oleh akses teknologi atau trend semasa. Sebaliknya, faktor psikososial yang membentuk niat untuk menggunakannya juga boleh mempengaruhi tingkah laku belia. Oleh itu, TPB dipilih kerana ia menyediakan kerangka yang menyeluruh dalam menilai faktor kognitif dan sosial yang mempengaruhi tingkah laku pengguna, terutamanya dalam konteks luar bandar yang kurang dikaji.

Teori TPB memperkenalkan tiga elemen utama iaitu sikap terhadap tingkah laku (*Attitude toward behaviour*), norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (*Perceived Behavioural Control*).

Elemen pertama ialah sikap terhadap tingkah laku yang merujuk kepada pandangan individu terhadap sesuatu tingkah laku sama ada positif atau negatif. Dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada sikap dan pandangan belia, sama ada penggunaan TikTok dianggap bermanfaat sebagai sumber maklumat, hiburan atau ekspresi diri, ataupun sebaliknya seperti membuang masa dan mengganggu kehidupan seharian. Ajzen (2020) dan Albayati serta rakan-rakannya (2023) berpandangan faktor pembentuk kepada elemen utama ialah kepercayaan tingkah laku (*behavioural beliefs*), iaitu persepsi terhadap kesan yang bakal diterima daripada tingkah laku tersebut. Dalam konteks kajian ini, kesan yang bakal diterima daripada penggunaan TikTok. Contohnya, “TikTok menyeronokkan dan meningkatkan kreativiti” merupakan kenyataan kepada kepercayaan tingkah laku. Seterusnya, faktor kedua kepada elemen pertama ialah hasil penilaian (*outcome evaluation*). Penilaian ini datangnya daripada diri individu terhadap tingkah laku yang diambil. Contohnya, “Penggunaan TikTok membantu saya menjadi lebih berinformasi.”

Elemen kedua merujuk kepada norma subjektif, iaitu persepsi individu terhadap tekanan sosial untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Dalam konteks kajian ini ia merujuk kepada penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Menurut Ajzen (2020) dan Albayati serta rakan-rakannya (2023), pembentukan elemen itu dipengaruhi oleh keyakinan normatif (*normative beliefs*) dan motivasi untuk mematuhi (*motivation to comply*). Teori ini melalui elemen kedua mengandaikan bahawa individu mungkin bermotivasi untuk menggunakan TikTok jika keluarga atau teman-teman turut menggunakan aplikasi TikTok.

Elemen ketiga dalam Teori Tingkah Laku Terancang ialah kawalan tingkah laku. Ia merujuk kepada kemampuan individu untuk mengawal tingkah laku. Terdapat dua faktor yang membentuk elemen ini iaitu mengawal kepercayaan dan kuasa kawalan yang dirasakan (*perceived power*). Dalam konteks kajian ini ia merujuk kepada cara belia mengawal penggunaan TikTok. Adakah belia akan menghabiskan waktu dengan

melayari TikTok atau mempunyai mekanisme tersendiri dalam menangani diri daripada ketagihan TikTok? Komponen kepercayaan dan kawalan adalah seperti, “Saya dapat menguruskan masa saya walaupun menggunakan TikTok.” Kuasa kawalan yang dirasakan pula menentukan sama ada niat seseorang itu akan diterjemahkan kepada perlakuan sebenar.

Walaupun TPB menyediakan kerangka yang kukuh untuk meramal tingkah laku, ia tidak terlepas daripada kritikan. Conner dan Armitage (1998) menyifatkan bahawa Teori TPB ini terlalu menekankan aspek rasional dan kognitif seperti norma dan sikap, tetapi mengabaikan peranan emosi, nilai moral dan naluri spontan yang turut memainkan peranan penting dalam keputusan pengguna terutamanya dalam konteks media sosial yang sangat dinamik dan afektif dalam menentukan tingkah laku masyarakat. Selain itu, Sheeran (2002) mengatakan bahawa Teori TPB ini tidak menjelaskan jurang antara niat dan tingkah laku; *“there is often a significant gap between behavior intention and actual behavior, which TPB does not adequately address.”*

Kemudiannya, Sniehotta, Preece, dan Soares (2014) menggambarkan bahawa teori ini terlalu universal dan tidak mengambil kira konteks budaya, struktur sosial atau politik yang berbeza dan berkemungkinan mempengaruhi tingkah laku; *“the TPB may not capture the full range of factors affecting behavior in collectivist societies, where group norms and social obligations weigh more heavily.”* Dalam konteks Malaysia Timur seperti Lawas, pengaruh komuniti dan norma budaya tempatan mungkin lebih dominan berbanding norma individu. Malah, kritikan yang sama turut diakui oleh Ajzen (2011) sendiri; TPB memberikan fokus kepada individu sebagai agen utama perubahan tingkah laku dan tidak mengambil kira faktor-faktor lain.

Li dan Bautista (2020) mengetengahkan dua kelemahan Teori Tingkah Laku Terancang. Menurut Li dan Bautista (2020), teori ini mengabaikan aspek afektif kerana lebih menekankan kepercayaan kognitif dan kurang mempertimbangkan emosi atau perasaan pengguna. Kritikan kedua daripada Li dan Bautista (2020), teori ini tidak memasukkan elemen pengaruh komunikasi. Dalam realiti dunia sebenar, keputusan individu dalam membuat keputusan sebenarnya boleh dipengaruhi oleh media massa dan perbualan interpersonal. Namun, ia tidak ditangani sepenuhnya dalam teori tersebut.

Walaupun Teori Tingkah Laku Terancang menerima pelbagai kritikan, ia turut digunakan oleh pengkaji terdahulu. Sebagai contoh, kajian oleh Lin, Wang dan Dam (2023) menggunakan teori ini untuk mengkaji tingkah laku pembelian pakaian menerusi aplikasi TikTok. Mereka telah mengembangkan teori tersebut dengan menambah elemen kesedaran sosial (*social consciousness*) dan sikap terhadap kandungan video TikTok yang berkaitan dengan pakaian. Hasil kajian mendapati bahawa pengguna generasi Z menunjukkan sikap yang positif terhadap kandungan TikTok, seterusnya meningkatkan niat untuk membeli.

Malah, Jie dan Ibrahim (2025), telah menggabungkan teori ini dengan Teori Aliran (*Flow Theory*) dalam mengkaji tahap ketagihan penggunaan TikTok dalam kalangan pengguna di China. Dapatan menunjukkan bahawa komponen TPB seperti sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah lalu sebenarnya memberikan kesan signifikan terhadap niat yang mendorong kepada tingkah laku ketagihan. Selain itu, Wang (2024) turut menggunakan Teori TPB dalam mengkaji faktor penentu niat dalam membeli barangan ketika siaran langsung TikTok. Wang menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang yang hasil dapatannya menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku secara signifikan memberikan kesan terhadap niat untuk membeli.

Oleh itu, Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) mencadangkan bahawa keinginan seseorang untuk menggunakan teknologi atau terlibat dalam sesuatu aktiviti dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Dalam konteks penggunaan TikTok, golongan belia mungkin mengembangkan pandangan yang menggalakkan terhadap aplikasi itu berdasarkan persepsi mereka terhadap kegunaan dan keseronokan daripada melihat serta menjana kandungan. Tambahan pula, piawaian subjektif daripada konteks sosial mereka, seperti rakan sekelas atau orang awam di TikTok, mungkin memberikan kesan kepada kecenderungan mereka untuk menggunakan aplikasi ini secara aktif.

Walaupun halangan seperti kebimbangan terhadap privasi atau kebimbangan mengenai masa yang dihabiskan di TikTok juga boleh mempengaruhi jumlah golongan belia yang menggunakan aplikasi ini secara meluas, penyelidikan yang menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang dapat mendedahkan faktor psikologi dan sosial yang mempengaruhi tingkah laku penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan golongan muda dan menawarkan pemahaman yang lebih mendalam, serta mengkaji cara platform ini mempengaruhi interaksi sosial, kreativiti dan pembinaan identiti mereka dalam dunia digital yang sentiasa berubah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengenal pasti corak, tingkah laku dan impak penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Menurut Creswell (2014), pendekatan kuantitatif merupakan kaedah penyelidikan yang menekankan pengumpulan data dan analisis data berangka. Ia digunakan untuk mengenal pasti pola, menguji hipotesis dan membuat generalisasi daripada sampel kepada populasi yang lebih besar. Dalam bidang komunikasi, pendekatan kuantitatif boleh diadaptasi bagi menggambarkan fenomena komunikasi serta menguji hubungan antara pemboleh ubah, seperti yang dijelaskan oleh Wimmer dan Dominick (2014); “*Quantitative research in mass communication typically involves counting and measuring phenomena and then applying statistical analysis to test hypotheses and answer research questions.*”

Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif. Kaedah soal selidik dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang meluas dalam tempoh masa yang singkat serta sesuai untuk mengenal pasti kecenderungan umum dalam populasi sasaran. Berdasarkan hasil pembacaan penyelidikan, kebanyakan kajian seperti ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif.

Zeng dan Kaye (2022) menggunakan kaedah kualitatif menerusi temu bual bersemuka dalam mengkaji kandungan dan visibiliti dalam kalangan pengguna TikTok. Oktariani (2023) juga menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklum balas mengenai penggunaan TikTok sebagai alat untuk mempelajari bidang seni tari. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Hamizi (2023) turut menggunakan kaedah kualitatif dengan memanfaatkan penggunaan data sekunder seperti laporan daripada laman web rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), akhbar dan artikel jurnal dalam memperoleh maklumat.

Selain itu, Segado-Boj dan Diaz-Campo (2024) menggunakan kaedah kuantitatif untuk menilai penggunaan akaun TikTok rasmi kerajaan tempatan Sepanyol. Kajian tersebut mengambil kira interaksi pengguna, bilangan penerbitan dan strategi komunikasi awam menerusi video pendek. Pada tahun yang sama, Bleakley dan Samuel menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif terhadap video dengan *engagement* tertinggi. Kajian tersebut menilai tema, naratif dan strategi komunikasi yang dominan dalam menyampaikan maklumat mengenai kesihatan mental kepada remaja. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan kuantitatif boleh diaplikasikan merentasi pelbagai lapisan umur.

Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia telah menetapkan had umur belia dari 15 hingga 40 tahun. Maka responden dalam kajian ini terdiri daripada individu dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun. Pemilihan responden adalah secara rawak tanpa mengira jantina dan latar belakang responden. Ciri utama pemilihan ialah responden mestilah dalam lingkungan usia 15 hingga 40 tahun. Penggunaan borang soal selidik dibuat menggunakan Google Form memandangkan golongan belia pengguna TikTok diyakini mempunyai peranti telefon bimbit. Bagi mengurangkan bias dan memastikan keterwakilan, edaran borang turut memanfaatkan *snowball technique* dengan meminta responden mengedarkan borang kepada rakan sebaya dalam lingkungan umur yang sama. Kebolehpercayaan instrumen diuji melalui Alpha Cronbach dengan skor keseluruhan $\alpha=0.83$, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Ini penting bagi memperkukuh kesahan dalaman terhadap item-item soal selidik yang digunakan.

Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) yang menganalisis data deskriptif, analisis silang dan ujian korelasi Pearson turut dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah seperti tempoh penggunaan dan kesan terhadap produktiviti serta menguji perkaitan antara elemen dalam TPB. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pola yang diperolehi mempunyai

makna statistik dan bukan sekadar pemerhatian biasa.

Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menyokong aplikasi Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) dalam memahami penggunaan TikTok dalam kalangan belia di Lawas. Penyelidik mendapati bahawa dari aspek sikap terhadap tingkah laku terdapat persepsi positif bahawa TikTok menyeronokkan, informatif dan mampu menyerlahkan kreativiti. Bagi aspek norma subjektif, dapatan menunjukkan berlakunya tekanan sosial dan budaya digital yang menyumbang kepada kecenderungan menggunakan TikTok pada kadar yang tinggi. Manakala bagi aspek kawalan tingkah laku yang dirasakan, walaupun responden menyedari kesan negatif terhadap masa dan produktiviti, kawalan sendiri dalam mengehadkan penggunaan adalah rendah. Sehubungan itu, hasil kajian ini menegaskan bahawa TPB berupaya menjelaskan kecenderungan penggunaan TikTok secara menyeluruh, namun jurang antara niat dan tingkah laku masih perlu diperhalusi melalui pendekatan kualitatif dalam kajian pada masa akan datang.

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada umur dan jantina. Output dalam Jadual 1 menunjukkan sejumlah 266 responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 114 responden lelaki dan 112 responden wanita, dengan purata umur keseluruhan adalah 26 tahun. Ini menunjukkan bahawa dari aspek keseimbangan ketika soal selidik diedarkan, distribusi jantina antara responden lelaki dan wanita adalah hampir seimbang. Keadaan ini menunjukkan kepelbagaian latar belakang adalah penting bagi memahami corak penggunaan TikTok berdasarkan elemen Teori TPB seperti sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku.

Jadual 1: Demografi Responden

		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	114	50.4
	Perempuan	112	49.6
Umur	15-17 tahun	60	26.5
	18-25 tahun	62	27.4
	26-35 tahun	59	26.1
	36 tahun keatas	45	19.9
Pekerjaan	Bersekolah	69	30.5
	Bekerja	142	62.8
	Suri Rumah	11	4.9
	Tidak Bekerja/Bersekolah	4	1.8

Secara keseluruhannya, data demografi mencerminkan responden ialah kelompok yang beragam dari segi umur dengan majoritinya merupakan responden yang bekerja. Responden kajian ini, terdiri daripada golongan

belia di Lawas, serta menunjukkan variasi latar belakang dari segi status pekerjaan. Majoriti responden ialah golongan belia yang bekerja, dengan jumlah sebanyak 142 orang, bersamaan 62.8% daripada keseluruhan sampel. Sebaliknya, kumpulan responden paling kecil ialah belia yang tidak bekerja atau bersekolah, iaitu hanya empat orang (1.8%). Belia yang masih bersekolah pula mencatatkan sejumlah 69 orang (30.5%), manakala golongan suri rumah terdiri daripada 11 orang, iaitu 4.9% daripada jumlah responden.

Jadual 2: Penggunaan TikTok

		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Kekerapan	Skala 1	12	5.3
	Skala 2	32	14.2
	Skala 3	31	13.7
	Skala 4	82	36.3
	Skala 5	69	30.5

Berdasarkan output 2, Skala 1 merujuk kepada penggunaan TikTok yang jarang digunakan manakala Skala 5 merujuk kepada penggunaan TikTok yang sangat kerap. Maka dapat dirumuskan bahawa sebilangan besar responden berada pada Skala 4 iaitu kerap menggunakan TikTok (36.3%) dan Skala 5 merujuk kepada sangat kerap (30.5%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan TikTok secara kerap atau sangat kerap. Penggunaan TikTok dilakukan dengan frekuensi yang tinggi, hingga menjadi sebahagian daripada rutin harian turut disokong oleh dapatan kajian lepas seperti dalam kajian Mohd Hamizi (2023) dan Hafifah et al. (2024). Hanya 5.3% responden menggunakan aplikasi ini secara jarang (Skala 1), manakala selebihnya menggunakan TikTok dengan kekerapan sederhana (Skala 2 dan Skala 3).

Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan output 2 ialah TikTok telah menjadi platform dominan dalam kalangan responden, dengan lebih daripada dua pertiga menggunakan aplikasi ini dengan kekerapan yang tinggi. Buktinya, responden yang memberikan skor tinggi pada Skala 4 dan 5 mencakupi 66.8% daripada jumlah keseluruhan, iaitu 82 + 69 responden. Hal ini menyatakan bahawa majoriti responden menunjukkan tahap kekerapan yang tinggi dalam aktiviti penggunaan TikTok.

Jadual 3: Tujuan Penggunaan TikTok dan Hubung Kait dengan Masa dan Kesan

Pendedahan kepada trend dan gaya hidup	Skala 1 (kurang terdedah)	14	6.2
	Skala 2	41	18.1
	Skala 3	34	15.0
	Skala 4	76	33.6
	Skala 5 (sangat terdedah)	61	27.0

Aplikasi TikTok mengurangi masa pembelajaran atau hubungan sosial	Skala 1 (tidak kurang)	16	7.1
	Skala 2	33	14.6
	Skala 3	38	16.8
	Skala 4	83	36.7
	Skala 5 (sangat kurang)	56	24.8
Aplikasi TikTok mempengaruhi penilaian terhadap diri	Skala 1 (tidak mempengaruhi)	17	7.5
	Skala 2	32	14.2
	Skala 3	42	18.6
	Skala 4	76	33.6
	Skala 5 (sangat mempengaruhi)	59	26.1
Aplikasi TikTok memberikan kesan produktiviti	Skala 1 (tidak sama sekali)	15	6.6
	Skala 2	29	12.8
	Skala 3	42	18.6
	Skala 4	74	32.7
	Skala 5 (sangat memberikan kesan)	66	29.2

Jadual 4: Masa dan Waktu Guna TikTok

		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Masa yang dihabiskan	1-3 jam	43	19.0
	3-5 jam	51	22.6
	5-7 jam	57	25.2
	7 jam ke atas	75	33.2
Waktu paling kerap menggunakan aplikasi TikTok	Pagi	31	13.7
	Tengah Hari	41	18.1
	Petang	54	23.9
	Malam	100	44.2

Output 3 menunjukkan bahawa TikTok turut menjadi platform utama untuk trend dan gaya hidup yang telah mempengaruhi majoriti pengguna secara signifikan. Lebih daripada separuh responden berada pada Skala 4 iaitu TikTok boleh mempengaruhi (33.6%) dan Skala 5 iaitu TikTok sangat mempengaruhi (27.0%). Corak ini jelas menunjukkan bahawa responden sangat terdedah kepada trend dan gaya hidup melalui TikTok. Sebilangan kecil responden (6.2%) merasa kurang terdedah (Skala 1), manakala 18.1% responden berada pada tahap rendah (Skala 2).

Senario ini boleh dikaitkan dengan masa penggunaan TikTok oleh responden. Output 4 menunjukkan bahawa majoriti responden (58.4%) menggunakan TikTok selama lima jam atau lebih setiap hari. Ini menunjukkan populariti yang signifikan dan potensi TikTok dalam mempengaruhi rutin harian responden. Berdasarkan output 4, sebanyak 33.2% responden atau satu pertiga responden menghabiskan waktu yang sangat banyak dalam melayari TikTok. Pemilihan tujuh jam ke atas ini menunjukkan kemungkinan wujudnya ketagihan atau pergantungan yang tinggi terhadap TikTok. Hampir satu perempat atau 25.2% responden menunjukkan penggunaan antara lima hingga tujuh jam sehari. Interpretasi yang dapat dilakukan ke atas data ini memberikan gambaran bahawa TikTok mungkin telah menjadi salah satu aktiviti utama belia di Lawas.

Selain itu, reka bentuk kajian ini berbeza dengan reka bentuk kajian yang dilakukan oleh Kirin dan Warman (2023). Dalam reka bentuk kajian Kirin dan Warman (2023) durasi masa responden menggunakan aplikasi TikTok dalam sehari bermula dari satu jam ke bawah, satu hingga dua jam dan dua jam ke atas. Kajian ini pula mengkategorikan tempoh penggunaan kepada satu hingga tiga jam, tiga hingga lima jam, lima hingga tujuh jam dan lebih dari tujuh jam.

Dapatan Kirin dan Warman menunjukkan bahawa majoriti belia yang dikaji memilih penggunaan TikTok selama dua jam dan ke atas, iaitu seramai 43 orang daripada 92 responden atau 40.2%. Kemudian diikuti dengan 30.8% responden yang menggunakan TikTok selama satu hingga dua jam dan 15% responden lagi menggunakan TikTok selama satu jam ke bawah. Walaupun begitu, dalam kajian Kirin dan Warman terdapat 15 belia yang tidak menggunakan TikTok.

Interpretasi yang boleh dilakukan oleh penyelidik berdasarkan kajian Kirin dan Warman (2023) serta dapatan yang diterima oleh penyelidik ialah belia cenderung menghabiskan atau meluangkan masa sama ada untuk menerbitkan kandungan mahupun menonton kandungan pencipta kandungan lain bagi tujuan hiburan. Oleh itu, isu berkaitan kemiskinan digital mungkin tidak dapat dikaitkan atau pada masa hadapan penyelidik boleh memfokuskan kepada responden yang berada dalam lingkungan 'jauh pedalaman' di Lawas dan bukan kepada responden yang berada di pekan Lawas mahupun kawasan yang mempunyai akses Internet yang baik memandangkan pencawang telekomunikasi berada dalam radar kawasan responden. Pensampelan jenis

bertujuan sebegini adalah penting sekiranya penyelidik ingin membuat kajian perbandingan atau perkaitan antara penggunaan Internet dan corak penggunaan media sosial pada masa hadapan.

Dapatan di output 4 boleh mencerminkan keadaan di output 3. Output 3 juga menunjukkan bahawa penggunaan TikTok cenderung memberikan kesan negatif terhadap pengurusan masa responden, terutamanya dalam pembelajaran dan interaksi sosial. Responden yang memilih Skala 4 iaitu TikTok memberikan kesan adalah sebanyak 36.7% berbanding Skala 5 iaitu TikTok sangat memberikan kesan mencatat 24.8%. Hal ini menunjukkan bahawa TikTok memberikan impak besar dalam mengurangkan masa pembelajaran atau hubungan sosial. Hanya 7.1% responden menyatakan bahawa TikTok tiada memberikan kesan (Skala 1) terhadap pembelajaran atau hubungan sosial. Penyelidik mendapati bahawa dapatan ini selaras dengan dapatan yang ditemukan oleh Mohd Hamizi (2023).

Penyelidik turut mendapati bahawa TikTok memberikan impak psikologi yang ketara terhadap persepsi diri pengguna. Responden yang memilih Skala 4 iaitu TikTok mempengaruhi penilaian terhadap diri adalah sebanyak 33.6%, manakala Skala 5 iaitu TikTok sangat mempengaruhi penilaian diri pula mencatat 26.1%. Data ini menunjukkan bahawa aplikasi TikTok boleh mempengaruhi penilaian diri responden. Hanya 7.5% responden menyatakan tiada pengaruh langsung (Skala 1). Maka tidak menghairankan apabila belia pada hari ini cenderung mengikuti trend semasa di TikTok agar tidak ketinggalan. Hal ini dapat dilihat melalui peniruan atau *copycat* terhadap video-video yang tular, seperti video nyanyian lagu kemerdekaan, lagu perayaan atau lagu-lagu kegemaran. Kandungan tersebut biasanya memperlihatkan pencipta kandungan TikTok akan berbaris dan bernyanyi secara bergilir-gilir. Malah pada tahun 2024, ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri, trend video “Alamak” telah menjadi ikutan. Trend video seperti ini telah menjadi tular dan ikutan ramai pencipta kandungan TikTok. Contoh adalah seperti rajah berikut.

Garis panduan komuniti di laman sesawang rasmi TikTok (2022) ada menyatakan bahawa tujuan TikTok menghasilkan aplikasi tersebut adalah untuk membolehkan pengguna atau pelanggan TikTok menghasilkan dan berkongsi video dengan masyarakat di seluruh dunia. Selain itu, perkongsian tersebut merupakan suatu penerokaan kerana individu dari pelbagai negara boleh menonton kandungan video yang dikongsikan sekiranya kerajaan negara tersebut membenarkan penggunaan aplikasi TikTok. Maka, tidak hairanlah sekiranya responden lebih banyak menghabiskan masa lapang mereka untuk menghasilkan kandungan atau kandungan video yang menarik.



Rajah 1: Trend Video Tular “Alamak” UMSfm

Sumber: Dipetik dari UMSfm.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Utami dan rakan-rakannya (2021), disimpulkan bahawa aplikasi TikTok telah menjadi medium hiburan dalam kalangan masyarakat. Kesimpulan tersebut dibuat berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Utami dan rakan-rakannya terhadap golongan belia ketika berlakunya pandemik Covid-19. Kajian tersebut turut menyatakan bahawa faktor kepelbagaian jenis efek atau kesan bunyi dan transisi video yang ditawarkan oleh TikTok adalah sangat menarik dan dikatakan boleh membantu belia mengurangkan rasa tekanan yang dihadapi oleh mereka. Menurut Utami dan rakan-rakannya (2021), penggunaan aplikasi TikTok berupaya menambah dan menyerlahkan bakat-bakat belia dalam penghasilan video. Hal ini kerana ia menguji keupayaan belia atau lebih tepat sekali menguji literasi belia dalam menggunakan aplikasi TikTok. Penyelidik tidak menolak bahawa fungsi ikon kongsi (*repost*) dan suka (*like*) juga menjadi penyumbang yang memberikan motivasi kepada belia untuk menghasilkan kandungan TikTok.

Selain itu, penyelidik mendapati bahawa TikTok cenderung mempengaruhi tahap produktiviti, apabila hampir dua pertiga daripada responden terlibat melaporkan kesan yang signifikan. Sebanyak 74 responden memilih Skala 4 iaitu boleh mempengaruhi dan Skala 5 iaitu sangat boleh mempengaruhi pula sejumlah 66 responden (29.2%). Situasi ini menunjukkan bahawa responden yakin TikTok boleh memberikan pengaruh atau kesan terhadap produktiviti mereka. Hanya sebilangan kecil responden iaitu 6.6% merasakan bahawa TikTok tiada memberikan kesan langsung terhadap produktiviti (Skala 1) mereka. Dapatan ini sebenarnya menyokong pernyataan Utami dan rakan-rakannya (2021), kerana belia memerlukan masa untuk menghasilkan sesebuah video. Bermula daripada pemilihan idea hinggalah proses suntingan, walaupun video tersebut berdurasi kurang dari satu minit, namun ia memerlukan perancangan yang baik agar video tersebut diterima dan ditularkan oleh

masyarakat. Walaupun begitu, penyelidik optimis berpendapat bahawa kajian pada masa hadapan mengenai pengaruh TikTok perlu melibatkan temu bual bersemuka bagi mendapatkan pengalaman yang lebih jitu.

Data yang dibentangkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4 terdiri daripada beberapa skala penilaian terhadap penggunaan aplikasi TikTok, seperti waktu penggunaan, serta durasi penggunaan TikTok yang dihabiskan dalam masa sehari oleh belia di Lawas. Analisis silang yang dijalankan menunjukkan secara eksplisit antara setiap variabel, membolehkan penyelidik melakukan interpretasi dan inferensi korelasi antara variabel berdasarkan frekuensi dan peratusan. Wujudnya hubungan antara persepsi kesan dan waktu penggunaan TikTok. Tema yang terlibat bagi tujuan analisis silang ialah pendedahan kepada trend dan gaya hidup, aplikasi TikTok mengurangkan masa belajar atau hubungan sosial, aplikasi TikTok mempengaruhi penilaian terhadap diri dan aplikasi TikTok memberikan kesan terhadap produktiviti.

Berdasarkan keempat-empat pemboleh ubah yang terlibat, penyelidik mendapati bahawa majoriti responden memberikan skor tinggi (Skala 4 dan 5) kepada semua pemboleh ubah (rujuk Jadual 3 dan 4). Hal ini menunjukkan bahawa responden berpendapat kesan TikTok terhadap trend dan gaya hidup, pengurangan waktu belajar atau bersosial, penilaian diri dan produktiviti berada pada tahap persepsi yang kuat.

Selain itu, dapatan analisis silang menunjukkan bahawa semakin lama dan semakin kerap (terutama pada waktu malam hari) responden menggunakan TikTok, maka semakin tinggi kecenderungan responden untuk menilai aplikasi ini berupaya untuk mempengaruhi trend dan gaya hidup, mengurangkan waktu belajar dan sosialisasi, mempengaruhi cara pandang terhadap diri, dan mengganggu produktiviti responden.

Jadual 5: Kecenderungan Hari Menggunakan TikTok

Cenderung menggunakan TikTok pada hari tertentu	Setiap hari	66	29.2
	Hujung minggu	57	25.2
	Ketika cuti	56	24.8

Berdasarkan output 5, penggunaan TikTok setiap hari merupakan kecenderungan paling dominan memandangkan sebanyak 29.2% responden memilih untuk menggunakan aplikasi ini setiap hari. Keadaan ini memberikan gambaran bahawa Tiktok telah menjadi sebahagian rutin utama bagi responden, tanpa mengira jenis hari. Sebilangan pengguna lagi hanya cenderung menggunakan TikTok ketika cuti (24.8%). Ini mungkin berlaku kerana keinginan responden untuk mencari hiburan tambahan atau berpeluang menghabiskan lebih banyak masa di TikTok. Responden ini mungkin kurang aktif pada hari bekerja atau hari persekolahan. Situasi

ini boleh dikaitkan dengan tuntutan pekerjaan dalam kalangan belia yang bekerja dan kawalan ibu bapa atau penjaga terhadap penggunaan telefon bimbit dalam kalangan belia yang masih bersekolah. Hal ini menunjukkan bahawa tujuan penggunaan dalam kalangan responden yang kurang aktif lebih bersifat santai dan corak penggunaannya pula tidak berterusan.

Selain itu, Jadual 5 menunjukkan bahawa TikTok digunakan oleh responden dalam corak penggunaan yang berbeza. Walaupun hampir satu pertiga responden merupakan pengguna aktif setiap hari, terdapat segmen besar yang lebih aktif pada hujung minggu dan waktu cuti. Senario ini menjelaskan bahawa TikTok memberikan peluang kepada responden untuk merangka strategi kandungan yang pelbagai, mengikut keperluan dan masa lapang responden.

Dari aspek impak penggunaan aplikasi TikTok terhadap belia di Lawas, Jadual 6 menunjukkan bahawa secara umum, data menunjukkan tidak ada pandangan yang dominan atau mutlak berkaitan impak TikTok terhadap interaksi sosial belia di Lawas. Walaupun terdapat sebilangan responden yang bersetuju bahawa TikTok mempengaruhi cara responden berinteraksi, mengurangkan interaksi fizikal, mengasingkan diri, serta memberikan kesan terhadap kualiti hubungan dan persepsi responden terhadap interaksi sosial, peratusan ini tidak majoriti. Malah, kategori neutral dalam hampir semua aspek adalah tinggi. Ini menunjukkan ramai belia belum pasti atau responden mempunyai pandangan yang bercampur-baur. Situasi neutral ini boleh diinterpretasikan sebagai ketidakpastian dalam konteks kajian ini.

Ini menggambarkan suatu keadaan yang berkemungkinan TikTok mempunyai kesan terhadap beberapa individu, tetapi secara keseluruhan, pandangan komuniti belia adalah pelbagai dan belum ada konsensus kuat bahawa penggunaan TikTok benar-benar memberikan impak yang ketara terhadap interaksi sosial mereka.

Jadual 6: Impak Penggunaan TikTok

		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Mempengaruhi cara berinteraksi	Ya	69	30.5
	Tidak	85	37.6
	Neutral	72	31.9
Mengurangkan interaksi fizikal	Ya	51	22.6
	Tidak	91	40.3
	Neutral	84	37.2
Cenderung untuk mengasingkan diri	Ya	56	24.8

	Tidak	89	39.4
	Neutral	81	35.8
Memberikan kesan terhadap kualiti hubungan dengan orang lain	Ya	57	25.2
	Tidak	72	31.9
	Neutral	97	42.9
Mengubah persepsi terhadap kepentingan interaksi sosial	Ya	61	27.0
	Tidak	96	42.5
	Neutral	69	30.5

Jadual 6 menunjukkan bahawa 69 responden (37.6%) berpendapat bahawa TikTok tidak mempengaruhi cara mereka berinteraksi. Walau bagaimanapun, peratusan “Ya” dan “Neutral” adalah lebih tinggi (melebihi 60% jika digabungkan), menunjukkan bahawa sebahagian besar belia sama ada merasakan kesan tersebut atau tidak pasti akan implikasinya.

Seterusnya, responden tidak bersetuju bahawa TikTok boleh mengurangkan interaksi fizikal. Hampir separuh daripada responden (40.3%) tidak merasakan bahawa interaksi fizikal mereka berkurang. Namun, 37.2% responden pula menyatakan pendirian neutral. Ini menggambarkan tahap keraguan yang tinggi, apabila sebilangan besar belia tidak dapat memberikan jawapan yang tegas. Hanya 22.6% responden yang yakin penggunaan TikTok benar-benar mengurangkan interaksi fizikal. Maka, penyelidik berpendapat bahawa pendekatan temu bual bersemuka merupakan kaedah terbaik pada masa hadapan untuk mengkaji kesan TikTok terhadap belia.

Bagi kenyataan “cenderung untuk mengasingkan diri”, majoriti responden bersetuju memilih jawapan “Tidak” iaitu sebanyak 39.4% atau bersamaan dengan 89 responden. Kemudian diikuti oleh “Neutral” sebanyak 35.8% atau 81 responden. Manakala 24.8% responden (56 orang) memilih jawapan “Ya” atau bersetuju bahawa TikTok menyebabkan responden mempunyai kecenderungan untuk mengasingkan diri. Ini menunjukkan bahawa kenyataan TikTok mempunyai “kecenderungan untuk mengasingkan diri” adalah lebih rendah. Senario ini mencerminkan bahawa kebanyakan belia tidak merasakan diri mereka lebih cenderung mengasingkan diri, namun kira-kira satu pertiga masih tidak pasti akan kesan tersebut.

Bagi kenyataan bahawa TikTok memberikan kesan terhadap kualiti hubungan dengan manusia lain, majoriti

responden menunjukkan tahap neutral atau penyelidik terjemahkan sebagai ketidakpastian, dengan 42.9% responden memilih jawapan “Neutral”. Senario ini mencadangkan bahawa ramai belia kurang pasti sama ada penggunaan TikTok benar-benar menjejaskan kualiti hubungan mereka atau tidak. Bahagian “Ya” dan “Tidak” menunjukkan tahap keseimbangan dalam jawapan iaitu 57 hingga 72 orang (setelah mengambil kira jawapan neutral). Nilai tersebut menunjukkan tiada konsensus kukuh sama ada kesan tersebut positif, negatif, atau tidak signifikan.

Bagi kenyataan “TikTok mengubah persepsi terhadap kepentingan interaksi sosial” pula lebih 40% responden menyatakan bahawa TikTok tidak mengubah persepsi mereka terhadap kepentingan interaksi sosial. Walaupun begitu, hampir satu pertiga daripada responden masih bersikap neutral atau penyelidik terjemahkan sebagai ragu-ragu (30.5%) dan lebih satu perempat (27%) mengakui wujud perubahan terhadap kepentingan interaksi sosial. Senario ini menunjukkan bahawa walaupun TikTok mungkin mempengaruhi persepsi sesetengah individu, tetapi majoriti masih berpendapat bahawa interaksi sosial secara tradisional atau bersemuka adalah penting.

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu seperti Utami dan rakan-rakan (2021), Ferira (2022), Kirin dan Warman (2023) serta Hafifah dan rakan-rakannya (2024) menunjukkan persamaan trend penggunaan. Rata-rata pengguna meluangkan masa yang lama di aplikasi TikTok sama ada sebagai pencipta kandungan mahu pun sebagai pengguna yang menonton kandungan pencipta kandungan yang lain. Selain itu, penyelidik terdahulu juga positif dalam menyatakan bahawa kesan positif dan negatif bergantung kepada tujuan penggunaan dan penggunaan TikTok tidak seharusnya menyebabkan tugas lain terbengkalai atau mengalami kelewatan.

Matriks korelasi Perason menunjukkan kekuatan hubungan linear antara dimensi kesan. Contohnya, trend gaya hidup dan penilaian diri menunjukkan korelasi positif sederhana ($r=0.643$), menandakan bahawa pendedahan kepada trend dalam TikTok cenderung dikaitkan dengan perubahan dalam penilaian diri. Walau bagaimanapun, trend gaya hidup dan produktiviti menunjukkan korelasi negatif ($r=-0.5333$), bermakna semakin tinggi kecenderungan mengikut trend, semakin berkurang produktiviti.

Ini juga menunjukkan bahawa pemilihan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour* - TPB) dalam kajian ini adalah tepat. Teori TPB digunakan oleh penyelidik bagi memahami niat individu yakni belia dalam tingkah laku menggunakan TikTok. Namun, teori ini kurang popular dan tidak banyak digunakan oleh pengkaji di Malaysia terutamanya dalam bidang Komunikasi. Penyelidik tidak menolak bahawa manusia atau belia merupakan komponen yang kompleks dan teori ini tidak dapat menjelaskan sepenuhnya tingkah laku manusia. Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) mencadangkan bahawa keinginan belia untuk menggunakan

TikTok atau terlibat dalam aktiviti TikTok seperti memberikan tanda suka (*like*), komen, kongsi (*share*) dan siar semula (*repost*), sebenarnya dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkah laku dalam menggunakan TikTok. Oleh itu, elemen pengawalan tingkah laku adalah penting bagi membendung sikap lalai yang boleh menyumbang kepada kelewatan menyiapkan tugas dalam kalangan belia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, aplikasi TikTok digunakan secara meluas dengan kekerapan tinggi dalam kalangan responden. Ia menjadi medium utama dalam penyebaran trend dan gaya hidup. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa TikTok turut memberikan kesan negatif terhadap masa pembelajaran, hubungan sosial, penilaian diri, dan produktiviti responden. Pengaruh TikTok ini menggambarkan aplikasi tersebut bukan sekadar platform hiburan, tetapi juga sebagai alat yang memberikan kesan menyeluruh kepada kehidupan pengguna.

TikTok memberikan peluang kepada belia untuk menonjolkan bakat diri melalui perkongsian video pendek. Melalui pendekatan ini, diyakini boleh membantu responden untuk berkomunikasi secara lebih visual dan menarik. Penggunaan aplikasi TikTok ini mendorong belia untuk mempelajari pelbagai kemahiran penyuntingan dan memperkasakan kemahiran teknologi dalam kalangan belia. Ini merupakan impak positif dalam dunia digital yang semakin berkembang. Penyelidik berpendapat bahawa TikTok mempunyai pengguna setia yang aktif setiap hari. Justeru, ia memberikan peluang kepada belia untuk mencipta kandungan yang bersifat harian atau berterusan, seperti cabaran harian, kempen kesedaran, atau penyebaran informasi terkini.

Biarpun begitu, penyelidik terdahulu ada menyebut tentang hakikat kewujudan media sosial atau dalam konteks kajian ialah TikTok, sama ada secara sedar mahupun tidak, aplikasi ini mempunyai impak dan pengaruhnya yang tersendiri, sama ada positif atau negatif. Impak positif dan negatif ini sebenarnya bergantung kepada niat atau cara belia menggunakan dan mengendalikan TikTok serta kehidupan. Kajian lepas dan laporan akhbar banyak membincangkan isu salah guna media sosial. Antara isu yang wujud melalui penggunaan media sosial adalah seperti buli siber, penyebaran berita atau maklumat palsu, kebebasan bersuara secara keterlaluan, jenayah siber, ketagihan, pornografi dan penggunaan tanpa kawalan. Ini adalah antara cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh pengguna media sosial.

Maka di sinilah pentingnya intervensi yang dilakukan oleh pihak kerajaan, masyarakat, media, penyiaran, syarikat telekomunikasi serta pelopor media sosial dalam memberikan kesedaran kepada pengguna agar menjadi pengguna yang bijak. Undang-undang yang dirangka dan digubal di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 boleh dikatakan sebagai “alat untuk pengawasan” dan “alat kawalan” terhadap

penggunaan media sosial. Belia juga perlu memainkan peranan untuk tidak terjebak dalam penyalahgunaan TikTok secara khususnya dan media sosial secara umumnya. Ini penting bagi mengelakkan belia terjebak dalam aktiviti yang boleh mengancam keselamatan diri sendiri.

Kewujudan media sosial seperti Tiktok sebagai medium komunikasi sepatutnya memberikan banyak manfaat kepada pengguna. Namun pada masa yang sama tidak menyelidik nantikan, media sosial juga boleh membawa impak negatif dan menjadi ancaman kepada belia dan masyarakat. Selain itu, penyelidik optimis bahawa penggunaan TikTok dalam kalangan belia wajar dikawal terutamanya bagi belia yang masih bergelar pelajar. Pengawasan berasaskan kesedaran sendiri dan literasi digital adalah penting. Belia disarankan untuk menetapkan had masa harian dalam penggunaan aplikasi TikTok serta mengutamakan kandungan yang bersifat pendidikan dan informatif.

Rujukan

- Ajzen, I. (2020). The theory of planned behavior: Frequently asked questions. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 2(4), 314–324. <https://doi.org/10.1002/hbe2.195>
- Albayati, H., Alistarbadi, N., & Rho, J. J. (2023). Assessing engagement decisions in NFT metaverse based on the theory of planned behavior (TPB). *Telematics and Informatics Reports*, 10, 100045. <https://doi.org/10.1016/j.teler.2023.100045>
- Anderson, J. N. (2013). Radio broadcasting's digital dilemma. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 19(2), 177–199. <https://doi.org/10.1177/1354856512451015>
- Bleakley, A., Kuijpers, K., & Samuel, L. (2024). A quantitative content analysis of high engagement TikTok videos related to depression and anxiety. *Journal of Adolescent Health*, 74(1), 120–127. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2023.09.005>
- Conner, M., & Armitage, C. J. (1998). Extending the theory of planned behavior: A review and avenues for further research. *Journal of Applied Social Psychology*, 28(15), 1429–1464.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Ferira, R. (2022). Analisis aplikasi TikTok sebagai platform membangun jaringan bisnis generasi millennial. *Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*.
- Hafifah, S. N., Purwandari, D. A., & Kurniawan, N. (2024). Perubahan perilaku sosial siswa pengguna media sosial Tik-Tok di SMPN 222 Jakarta. *JICN: Jurnal Intelek Dan Cendekiawan Nusantara*, 1(3). <https://jicnusanantara.com/index.php/jicn>
- Hallett, L. (2021). Broadcast radio: Technology, challenges and opportunities in the twenty-first century. *Interactions: Studies in Communication & Culture*, 12(1), 17–37. https://doi.org/10.1386/iscc_00034_1
- Ismail, M. (2023, March 11). Penduduk Lawas mahu SKMM tingkatan mutu perkhidmatan Internet yang lemah. *Utusan Borneo Online*.
- Kirin, A., & Warman, B.A. (2023). Impak penggunaan aplikasi Tiktok terhadap gaya hidup pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002137. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2137>
- Lin, C. A., Wang, X., & Dam, L. (2023). TikTok videos and sustainable apparel behavior: social consciousness, prior consumption and theory of planned behavior. *Emerging Media*, 1(2). DOI:10.1177/27523543231188279
- Markom, R., Zainol, Z. A., & Ahmad Fuad, N. (2019). Literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 372–389. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3503-22>

- Mohd Hamizi, A. F. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Muliadi, B. (2022, April 14). What the rise of TikTok says about generation Z. *Forbes Technology Council*. ofcom. (2021). *Children and parents: media use and attitudes report*.
- Oktariani, D. (2023). Pemanfaatan aplikasi Tiktok sebagai media pembelajaran seni tari tradisi nusantara pada remaja. *Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Humaniora*, 13(2), 907–915.
- Papacharissi, Z., & Rubin, A. M. (2000). Predictors of Internet use. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 44(2), 175–196. https://doi.org/10.1207/s15506878jobem4402_2
- Statista. (2024, July 2). *TikTok - statistics & facts*. Statista.
- Schäfer, M. S., & Metag, J. (2022). Scientific communication on TikTok: Exploring the science-related content and strategies of popular creators. *Cell*, 185(35), 567–570. <https://doi.org/10.1016/j.cell.2022.07.027>
- Segado-Boj, F., & Díaz-Campo, J. (2024). TikTok as a communication and information tool for Spanish local governments: A quantitative analysis. *International Journal of Information Management*, 74, 102748. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2023.102748>
- Sniehotta, F. F., Presseau, J., & Araújo-Soares, V. (2014). Time to retire the theory of planned behaviour. *Health Psychology Review*, 8(1), 1–7. <https://doi.org/10.1080/17437199.2013.869710>
- Syed Abdul Rahman, S. M. H., Ramli, M. A., Sa'ari, C. Z., Norman, A. A., Mamat, M. A., & Mohd Azhar, M. H. (2022). Penggunaan media sosial baharu: Isu-isu dan panduan perspektif islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 73–96.
- Sze Huey Ling. (2023). *Exploring political participation of Malay first-time voters and the Tiktok role in Malaysia* [Dissertation]. Universiti Tunku Abdul Rahman.
- TikTok. (2021, September 27). *Thanks a billion!* Community.
- TikTok. (2022), *About us*.
- Utusan Sarawak. (2020). Penduduk kecewa capaian internet di Lawas. *Utusan Sarawak*.
- Utami, A. D. V., Nujiana, S. & Hidayat, D. (2022). Aplikasi Tiktok menjadi media hiburan bagi masyarakat dan memunculkan dampak ditengah pandemi Covid-19. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(1), 40-47.
- van Dijck, J., Poell, T., & de Waal, M. (2018). *The Platform Society* (Vol. 1). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oso/9780190889760.001.0001>
- Wang, T. (2024). Research on the influencing factors of TikTok users' purchase intention under the background of e-commerce live broadcast. *Advances in Economics, Business and Management Research* (ICEMCI 2023), Februari 2024.
- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (2014). *Mass media research: An introduction* (10th ed.). Boston, MA: Cengage Learning.
- Zafri, N. D., Opir, H., & Yahaya, A. M. (2023). Dakwah interaktif terhadap golongan belia melalui media sosial. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 54–69. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.528>
- Zeng, J., & Kaye, D. B. V. (2022). From content moderation to visibility moderation: A case study of platform governance on TikTok. *Policy & Internet*, 14(1), 79–95. <https://doi.org/10.1002/poi3.287>
- Zhang, J., & Ibrahim, O. B. (2025). Extending theory of planned behavior to predict tiktok addiction behavior among Chinese users. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(3), 62–82.
- Zulkifli, N., Omar, S. K., Johari, N. F., Hassan, M. S., & Mohamad Rosman, M. R. (2021). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63–77.

Biodata

Elyanna Takung Peter merupakan Pereka Grafik di Megah Jaya Enterprise, sebuah syarikat di Lawas. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi) Dengan Kepujian dari Universiti Malaysia Sabah. Sebagai anak kelahiran Lawas, Sarawak, beliau menjalankan kajian ringkas mengenai media baharu dalam memahami perubahan yang berlaku di Lawas.

Dr. Intan Soliha Ibrahim merupakan Pensyarah Kanan dalam Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau juga berperanan sebagai Pengurus UMSfm, radio kampus rasmi UMS. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) dari UMS dan seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Penyiaran & Telekomunikasi di Universiti Sains Malaysia (USM). Kepakaran beliau meliputi radio digital, dasar penyiaran, komunikasi pembangunan, serta kajian terhadap transformasi media dalam konteks Malaysia. Beliau telah mengharumkan nama UMS apabila projek inisiatif radio kampus memenangi Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Rekabentuk Kurikulum Dan Penyampaian Inovatif (AKRI) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2024, di bawah kategori Pentaksiran Alternatif.